PENGUASAAN JAWI DAN HUBUNGANNYA DENGAN MINAT, SIKAP DAN GAYA PEMBELAJARAN MURID: KAJIAN TINJAUAN DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH DI LAHAD DATU, SABAH.

Nurul Nadia Azhar[1] Mohd Syaubari Othman[2]
[1 2] Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
g-96563788@moe-dl.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam serta hubungannya dengan minat, sikap dan gaya pembelajaran murid di Sekolah Kebangsaan Lahad Datu IV, Sabah. Kajian tinjauan kuantitatif ini melibatkan 142 orang murid Islam Tahun Lima dan Enam yang dipilih melalui persampelan menyeluruh (*census sampling*), iaitu semua murid yang memenuhi kriteria kajian di sekolah tersebut. Data dikumpul menggunakan soal selidik berskala Likert empat mata bagi mengukur minat, sikap dan gaya pembelajaran berdasarkan Model Dunn dan Dunn, disertakan dengan Ujian Penguasaan Jawi. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 32.0 melalui statistik deskriptif dan Korelasi Spearman. Dapatan menunjukkan 81.7 peratus murid memperoleh Gred A hingga C dalam Ujian Penguasaan Jawi, iaitu tahap cemerlang hingga baik. Analisis korelasi mendapati hubungan yang signifikan tetapi lemah antara penguasaan Jawi dengan minat ($\rho = -0.307$, $p < 0.001$), sikap ($\rho = -0.276$, $p < 0.001$) dan kelima-lima dimensi gaya pembelajaran (ρ antara -0.194 hingga -0.283, $p < 0.05$). Pekali negatif membawa maksud hubungan positif kerana skala Likert yang digunakan bersifat songsang. Dapatan ini memberi implikasi kepada guru Pendidikan Islam untuk mempelbagaikan strategi pengajaran Jawi serta kepada pihak sekolah untuk meneruskan program intervensi bagi murid yang masih berada pada gred rendah.

Kata kunci: penguasaan Jawi, minat, sikap, gaya pembelajaran, murid sekolah rendah.

ABSTRACT

This study aims to identify the level of Jawi proficiency among Year Five and Six pupils, as well as its relationship with pupils' interest, attitude and learning styles at Sekolah Kebangsaan Lahad Datu IV, Sabah. This quantitative survey study involved 142 Muslim pupils from Year Five and Six, selected through census sampling of all pupils who met the study criteria at the school. Data were collected using a four-point Likert scale questionnaire to measure interest, attitude and learning styles based on the Dunn and Dunn Model, together with a Jawi Proficiency Test. Data were analysed using SPSS version 32.0 through descriptive statistics and Spearman's correlation. The findings showed that 81.7 percent of the pupils obtained Grades A to C in the Jawi Proficiency Test, indicating an excellent to good level of proficiency. Correlation analysis found significant but weak relationships between Jawi proficiency and interest ($\rho = -0.307$, $p < 0.001$), attitude ($\rho = -0.276$, $p < 0.001$) and all five dimensions of learning style (ρ ranging from -0.194 to -0.283, $p < 0.05$). The negative coefficients indicate positive relationships because the Likert scale was reverse-scored. These findings have

implications for Islamic Education teachers to diversify Jawi teaching strategies, and for the school to continue intervention programmes for pupils who remain at lower grades.

Keywords: Jawi proficiency, interest, attitude, learning style, primary school pupils.

1.0 PENGENALAN

Tulisan Jawi merupakan salah satu khazanah penting dalam sejarah dan perkembangan tamadun Melayu serta mempunyai kedudukan yang signifikan dalam pendidikan Islam di Malaysia. Penggunaannya telah berkembang sejak zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan sehingga kini masih diterapkan dalam kurikulum Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Penguasaan tulisan Jawi bukan sahaja berkaitan dengan kemahiran membaca dan menulis, malah turut membantu murid memahami bahan pembelajaran Pendidikan Islam yang menggunakan tulisan Jawi. Oleh itu, penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah perlu diberi perhatian secara berterusan.

Persepsi bahawa tulisan Jawi sukar dipelajari boleh mempengaruhi motivasi dan minat murid terhadap pembelajaran Jawi (Shitiq & Mahmud, 2010). Nik Rosila (2007) melaporkan bahawa tahap penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar masih membimbangkan, khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis. Penggunaan tulisan Rumi yang lebih dominan dalam kehidupan seharian turut mengehadkan peluang murid untuk menggunakan dan mempraktikkan tulisan Jawi. Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh penguasaan Jawi memerlukan perhatian bukan sahaja terhadap aspek pedagogi, tetapi juga terhadap faktor yang berkaitan dengan diri murid.

Antara faktor yang berpotensi mempunyai hubungan dengan penguasaan Jawi ialah minat, sikap dan gaya pembelajaran. Minat dapat mendorong murid memberikan perhatian dan melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran, manakala sikap positif dapat mempengaruhi kesungguhan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran. Dari segi gaya pembelajaran, murid mempunyai kecenderungan yang berbeza dalam menerima, memproses dan mengingati maklumat. Kajian ini menggunakan Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) untuk meneliti lima dimensi rangsangan pembelajaran, iaitu persekitaran, fizikal, sosiologi, emosional dan psikologi. Model ini dipilih kerana dapat menghuraikan gaya pembelajaran murid secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira faktor persekitaran, sosial, emosi, fizikal dan psikologi.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah masih menjadi cabaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, sebahagian murid masih menghadapi kesukaran mengenal, membaca dan menulis tulisan tersebut. Kajian Nik Rosila (2007), misalnya, menunjukkan bahawa sebahagian besar murid belum mencapai tahap penguasaan yang memuaskan dalam kemahiran menulis

Jawi. Kelemahan ini perlu diberi perhatian kerana penguasaan Jawi berkait dengan keupayaan murid memahami bahan Pendidikan Islam yang menggunakan tulisan tersebut.

Selain itu, kelemahan dari aspek kemahiran, dominasi tulisan Rumi dalam komunikasi harian menyebabkan penggunaan Jawi semakin terbatas dan pendedahan murid terhadap bahan bacaan Jawi berkurangan. Walaupun program seperti j-QAF dan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) telah diperkenalkan untuk meningkatkan penguasaan Jawi, masalah penguasaan dalam kalangan murid masih memerlukan perhatian dan intervensi yang berterusan.

Penguasaan Jawi juga tidak seharusnya dilihat dari perspektif kaedah pengajaran guru semata-mata. Faktor dalaman murid seperti minat dan sikap turut berpotensi berkait dengan pencapaian mereka. Nik Rosila (2007) mendapati terdapat hubungan antara penguasaan Jawi dengan minat pelajar, manakala Ainun et al. (2017) menegaskan kepentingan sikap dan motivasi dalam pembelajaran. Di samping itu, murid mempunyai kecenderungan gaya pembelajaran yang berbeza dari aspek persekitaran, fizikal, sosiologi, emosional dan psikologi (Rashid, 2008; Yahya et al., 2005). Dalam bilik darjah yang mempunyai murid dengan tahap penguasaan dan keperluan pembelajaran yang pelbagai, guru mungkin menghadapi kesukaran menyediakan pendekatan pengajaran terbeza yang memenuhi semua kecenderungan tersebut secara serentak.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam.
2. Mengenal pasti tahap minat murid terhadap pembelajaran Jawi.
3. Mengenal pasti sikap murid terhadap pembelajaran Jawi.
4. Mengenal pasti gaya pembelajaran murid dalam pembelajaran Jawi berdasarkan lima dimensi rangsangan Model Dunn dan Dunn.
5. Menentukan hubungan antara minat, sikap dan setiap dimensi gaya pembelajaran dengan penguasaan Jawi murid.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menjawab persoalan berikut:

1. Apakah tahap penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam?
2. Apakah tahap minat murid Tahun Lima dan Enam terhadap pembelajaran Jawi?
3. Apakah sikap murid Tahun Lima dan Enam terhadap pembelajaran Jawi?
4. Apakah gaya pembelajaran murid Tahun Lima dan Enam dalam pembelajaran Jawi bagi setiap dimensi rangsangan?
5. Adakah minat, sikap dan setiap dimensi gaya pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam?

5.0 HIPOTESIS KAJIAN

H01: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam di Sekolah Kebangsaan Lahad Datu IV.

H02: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam di Sekolah Kebangsaan Lahad Datu IV.

H03: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam di Sekolah Kebangsaan Lahad Datu IV. Hipotesis ini diuji bagi setiap dimensi, iaitu rangsangan persekitaran (H03a), fizikal (H03b), sosiologi (H03c), emosional (H03d) dan psikologi (H03e).

6.0 SOROTAN LITERATUR

6.1 Penguasaan Jawi murid sekolah rendah

Penguasaan tulisan Jawi telah lama menjadi perhatian penyelidik (Abd Jamal, 2000; Nik Rosila, 2007), dan kajian terkini menunjukkan isu ini masih relevan. Saimon et al. (2023) mendapati tahap penguasaan tulisan Jawi murid Tahun Empat di Muar, Johor masih kurang memberangsangkan, manakala Suhana et al. (2016) mendapati penguasaan murid sekolah rendah agama berada pada tahap sederhana, khususnya dalam aspek membaca dan menulis. Yusmizam dan Saimon (2025) pula menunjukkan bahawa murid Tahun Enam masih menghadapi kesukaran menguasai perkataan pinjaman bahasa asing dalam tulisan Jawi. Dalam konteks Sabah, Sarinab et al. (2022) meneliti pendekatan kaedah latih tubi dalam kemahiran menulis Jawi murid Tahun Empat di Sandakan.

Sebahagian kajian lain memberi tumpuan kepada cabaran dan pendekatan pengajaran, termasuk cabaran pembelajaran Jawi dan implikasinya terhadap keciciran murid (Rashed et al., 2025), keperluan modul latihan guru yang sistematik bagi pengajaran literasi Jawi (Zainuddin & Abd Rahman, 2020), pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan Jawi (Rosly & Zulkifli, 2025) dan kaedah transliterasi (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2014). Kelemahan dalam kemahiran asas membaca dan menulis merupakan antara masalah yang mempengaruhi penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid. Selain itu, murid juga didapati mengalami kekeliruan dalam mengenal pasti dan membezakan huruf-huruf Jawi yang mempunyai bentuk dan bunyi yang hampir sama (Saimon et al., 2023; Siti Fatimah, 2007). Faktor persekitaran dan kurangnya sokongan serta dorongan daripada ibu bapa turut dikaitkan dengan kemerosotan kemahiran tulisan Jawi dalam kalangan murid (Suhana Abd Hamid et al., 2016).

6.2 Minat dan sikap dalam pembelajaran

Nik Rosila (2007) mendapati terdapat hubungan antara penguasaan Jawi dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam, dengan murid yang mempunyai penguasaan lebih baik cenderung menunjukkan minat yang lebih positif. Noraziah dan Noor Azam (2019) pula meneliti persepsi pelajar terhadap pembelajaran tulisan Jawi pada pelbagai peringkat

pendidikan, manakala Fatma Wahida dan Mardzelah (2024) menunjukkan bahawa pendekatan inovatif dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran Jawi. Ainun et al. (2017) menegaskan bahawa sikap dan motivasi merupakan antara faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran, walaupun kajian tersebut dijalankan dalam konteks Bahasa Melayu di sekolah menengah. Dalam pengajaran Jawi, sikap positif dapat diterjemahkan melalui kesungguhan murid melaksanakan tugasan, usaha memperbaiki kemahiran membaca dan menulis serta kesediaan untuk terus berlatih.

Sintesis kajian ini menunjukkan bahawa hubungan minat dengan penguasaan Jawi telah dikaji, tetapi sikap jarang dikaji bersama minat dan gaya pembelajaran dalam satu kerangka, dan kajian yang sedia ada meliputi peringkat pendidikan serta mata pelajaran yang berbeza sehingga perbandingan langsung dengan murid sekolah rendah adalah terhad.

6.3 Gaya pembelajaran

Gaya pembelajaran merujuk kepada kecenderungan seseorang individu dalam menerima, memproses dan mengingati maklumat. Murid tidak semestinya belajar dengan cara yang sama kerana mereka mempunyai kecenderungan yang berbeza dari aspek persekitaran, fizikal, sosial, emosi dan psikologi. Yahya et al. (2005) mendapati gaya pembelajaran berhubung dengan pencapaian akademik, manakala Rashid (2008) menjelaskan bahawa pelajar mempunyai kecenderungan pembelajaran yang berbeza dan mengkaji hubungannya dengan motivasi. Kedua-dua kajian ini dijalankan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi dan bukan khusus pada pembelajaran Jawi di sekolah rendah. Kajian ini berlandaskan Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) yang mengemukakan lima rangsangan utama, iaitu rangsangan persekitaran, fizikal, sosiologi, emosional dan psikologi.

6.4 Jurang kajian

Secara ringkasnya, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah telah diberi perhatian, termasuk kajian yang meneliti tahap penguasaan membaca dan menulis Jawi (Saimon et al., 2023), faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran tertentu dalam tulisan Jawi (Che Mat et al., 2021), serta usaha meningkatkan kemahiran menulis Jawi melalui pendekatan pembelajaran yang berbeza (Amran & Makhsin, 2024).

Bagi aspek faktor afektif dan gaya pembelajaran pula, kajian oleh Mhd Bakri (2022) secara khusus telah meneliti hubungan antara sikap, minat dan gaya pembelajaran terhadap pembelajaran Jawi dalam kalangan murid Tahun Lima di Hulu Selangor. Kajian tersebut melibatkan 349 orang murid dan mendapati bahawa tahap sikap, minat dan gaya pembelajaran murid berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk memperluas kajian tersebut dengan meneliti hubungan antara minat, sikap dan dimensi gaya pembelajaran dengan penguasaan Jawi yang diukur secara khusus melalui pencapaian murid**,** khususnya dalam konteks sekolah rendah di Sabah. Kajian terkini juga lebih banyak memberi tumpuan kepada tahap penguasaan, strategi atau inovasi pengajaran Jawi dan faktor minat

murid, berbanding penelitian serentak antara pemboleh ubah afektif, gaya pembelajaran dan penguasaan Jawi dalam konteks setempat. (Hamdzah & Surat, 2022; Saimon et al., 2023; Amran & Makhsin, 2024).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti hubungan antara minat, sikap dan lima dimensi gaya pembelajaran berdasarkan model Dunn dan Dunn dengan penguasaan Jawi dalam kalangan murid Tahun Lima dan Tahun Enam di sebuah sekolah rendah di Lahad Datu, Sabah. Pemilihan konteks ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih khusus tentang faktor murid yang berkaitan dengan penguasaan Jawi dalam konteks sekolah rendah di Sabah.

7.0 TEORI KAJIAN

7.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget

Kajian ini berasaskan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1970) yang melihat pembelajaran sebagai proses pembinaan pengetahuan secara aktif melalui interaksi murid dengan persekitaran. Teori ini melibatkan empat konsep utama, iaitu skema, asimilasi, akomodasi dan keseimbangan (*equilibrium*). Murid Tahun Lima dan Enam (kira-kira 11 hingga 12 tahun) berada pada peralihan daripada peringkat operasi konkrit kepada operasi formal. Dalam pembelajaran Jawi, murid membina skema melalui pengenalan bentuk dan bunyi huruf. Proses asimilasi berlaku apabila murid menghubungkan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada, manakala akomodasi berlaku apabila murid perlu menyesuaikan kefahaman, misalnya apabila bentuk huruf Jawi berubah mengikut kedudukannya dalam perkataan. Keseimbangan kognitif dicapai apabila murid berjaya menyelaraskan pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu (Aizuddin et al., 2025). Teori ini digunakan sebagai kerangka tafsiran bagi menjelaskan kemungkinan perbezaan tahap penguasaan Jawi, dan kajian ini tidak menguji secara langsung proses perkembangan kognitif murid.


7.2 Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn

Selain teori kognitif, kajian ini menggunakan Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) sebagai asas untuk meneliti gaya pembelajaran murid. Model ini berasaskan prinsip bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk belajar, namun keberkesanan pembelajaran bergantung kepada kesesuaian antara gaya pembelajaran individu dengan persekitaran dan pendekatan pengajaran yang digunakan. Model ini merangkumi lima kategori rangsangan, iaitu:

1. *Rangsangan persekitaran*: elemen cahaya, bunyi, suhu dan reka bentuk ruang pembelajaran.
2. *Rangsangan fizikal*: elemen persepsi melalui pendengaran (auditori), penglihatan (visual), pembacaan atau pergerakan fizikal (kinestetik).
3. *Rangsangan sosiologi*: kecenderungan belajar secara individu, berpasangan, berkumpulan atau di bawah bimbingan guru atau ibu bapa.

4. *Rangsangan emosional*: elemen motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur pembelajaran.
5. *Rangsangan psikologi*: elemen global atau analitik, impulsif atau reflektif serta dominasi otak kiri atau kanan.

Kerangka konseptual kajian ini menghubungkan minat, sikap dan gaya pembelajaran (lima dimensi rangsangan) sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dengan penguasaan Jawi sebagai pemboleh ubah bersandar, sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

8.0 METODOLOGI KAJIAN

8.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan (*survey research*). Reka bentuk ini sesuai untuk mengumpulkan data secara sistematik daripada responden bagi mengenal pasti tahap penguasaan Jawi, minat, sikap dan gaya pembelajaran murid serta menganalisis hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji (Chua, 2011). Pengumpulan data dilaksanakan menggunakan dua instrumen, iaitu soal selidik dan Ujian Penguasaan Jawi.

8.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada semua murid Islam Tahun Lima dan Enam di Sekolah Kebangsaan Lahad Datu IV, Sabah. Seramai 142 orang murid yang memenuhi kriteria kajian dijadikan responden melalui persampelan menyeluruh (*census sampling*), iaitu seluruh populasi sekolah tersebut dilibatkan tanpa proses pemilihan sampel. Kaedah ini dipilih kerana saiz populasi yang kecil dan bagi memperoleh data yang lebih menyeluruh bagi sekolah tersebut. Pemilihan murid Tahap Dua (Tahun Lima dan Enam) adalah berdasarkan faktor kematangan dan pendedahan pembelajaran Jawi yang lebih lama berbanding murid Tahap Satu. Oleh kerana kajian ini dijalankan di satu sekolah sahaja, dapatan menggambarkan murid di sekolah ini dan tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh murid di daerah Lahad Datu. Sekolah Kebangsaan Lahad Datu IV dipilih sebagai lokasi kajian kerana majoriti murid di sekolah ini beragama Islam dan mengikuti pembelajaran Pendidikan Islam yang merangkumi tulisan Jawi. Selain itu, terdapat murid yang mengikuti pendidikan sekolah agama iaitu Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) pada sebelah petang, manakala sebahagian murid tidak mengikuti. Kepelbagaian pengalaman pendidikan agama ini sesuai dengan kajian yang meneliti hubungan minat, sikap dan gaya pembelajaran dengan penguasaan Jawi. Selain itu,

pengkaji bekerja di daerah Lahad Datu, jadi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan sampel kajian.

8.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik berstruktur dan Ujian Penguasaan Jawi. Soal selidik terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A (maklumat demografi), Bahagian B (minat terhadap pembelajaran Jawi, 6 item), Bahagian C (sikap terhadap pembelajaran Jawi, 6 item) dan Bahagian D (gaya pembelajaran berdasarkan Model Dunn dan Dunn, 25 item merangkumi lima dimensi rangsangan). Item Bahagian B dan C dibina oleh pengkaji berdasarkan sorotan literatur berkaitan minat dan sikap murid terhadap pembelajaran Jawi, manakala item Bahagian D daripada instrumen gaya pembelajaran berasaskan Model Dunn dan Dunn yang mengukur lima dimensi rangsangan pembelajaran, iaitu persekitaran, emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi. Semua item Bahagian B, C dan D menggunakan Skala Likert empat mata (1 = Sangat Setuju, 2 = Setuju, 3 = Tidak Setuju, 4 = Sangat Tidak Setuju), dengan nilai min yang lebih rendah menggambarkan tahap persetujuan yang lebih tinggi.

Jadual 1: Struktur Instrumen Soal Selidik

Bahagian	Konstruk	Bilangan Item
A	Maklumat demografi responden	4
B	Minat terhadap pembelajaran Jawi	6
C	Sikap terhadap pembelajaran Jawi	6
D	Gaya pembelajaran (Model Dunn dan Dunn)	25

Ujian Penguasaan Jawi merangkumi kemahiran membaca dan menulis Jawi berdasarkan kandungan Pendidikan Islam KSSR yang terdiri daripada 50 soalan merangkumi tiga bahagian iaitu bahagian A sambung huruf – huruf jawi, bahagian B rumikan perkataan Jawi dan bahagian C jawikan perkataan berumi. Format ujian ini disediakan oleh Sektor Pendidikan Islam Pejabat Pendidikan Daerah. Markah dinilai berdasarkan gred markah sekolah rendah yang ditetapkan oleh KPM, iaitu Gred A: 82–100 (Cemerlang); Gred B: 66–81 (Kepujian); Gred C: 50–65 (Baik); Gred D: 35–49 (Memuaskan); Gred E: 20–34 (Mencapai Tahap Minimum); dan Gred F: 0–19 (Tidak Mencapai Tahap Minimum).

8.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan muka dan kesahan kandungan instrumen ditentukan melalui semakan pakar dalam bidang Pendidikan Islam bagi memastikan item yang dibina dan diadaptasi adalah sesuai, jelas dan selaras dengan konstruk kajian. Cadangan dan pandangan pakar digunakan untuk menambah baik instrumen sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Ujian awal ke atas tiga orang murid Tahun Lima yang tidak terlibat dalam kajian sebenar turut dijalankan bagi memastikan item mudah difahami oleh murid sekolah rendah. Kebolehpercayaan instrumen ditentukan melalui pekali Alpha Cronbach, dengan nilai melebihi 0.70 menunjukkan tahap

kebolehpercayaan yang baik (Sekaran & Bougie, 2016). Nilai Alpha Cronbach bagi setiap konstruk dilaporkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kebolehpercayaan Instrumen (Alpha Cronbach)

Konstruk	Bilangan Item	Alpha Cronbach (α)
Minat	6	0.929
Sikap	6	0.925
Rangsangan Persekitaran	5	0.867
Rangsangan Fizikal	5	0.931
Rangsangan Sosiologi	5	0.774
Rangsangan Emosional	5	0.932
Rangsangan Psikologi	5	0.846

Kebolehpercayaan instrumen telah diuji menggunakan pekali Alpha Cronbach. Kesemua nilai Alpha Cronbach melebihi 0.70, menunjukkan bahawa semua konstruk mempunyai tahap kebolehpercayaan dalaman yang baik dan sesuai digunakan dalam kajian. Analisis kebolehpercayaan melibatkan 142 orang responden.

8.5 Prosedur Pengumpulan Data

Selepas memperoleh kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Pejabat Pendidikan Daerah Lahad Datu dan Guru Besar sekolah kajian, pengumpulan data dilaksanakan melalui dua sesi bagi setiap kumpulan darjah, iaitu pentadbiran Ujian Penguasaan Jawi selama satu jam diikuti pengedaran borang soal selidik. Proses ini dijalankan pada waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan bantuan guru Pendidikan Islam di sekolah berkenaan.

8.6 Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 32.0. Statistik deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai) digunakan untuk menghuraikan profil demografi responden serta tahap penguasaan, minat, sikap dan gaya pembelajaran murid. Skor min ditafsirkan kepada tiga tahap, iaitu tinggi (1.00–2.00), sederhana (2.01–3.00) dan rendah (3.01–4.00). Oleh kerana ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk menunjukkan data tidak bertaburan normal ($p < 0.001$), analisis Korelasi Spearman digunakan untuk menentukan hubungan antara penguasaan Jawi dengan minat, sikap dan gaya pembelajaran murid. Kekuatan hubungan ditafsirkan berdasarkan panduan Dancey dan Reidy (2004), iaitu 0.10–0.30 menunjukkan hubungan lemah, 0.40–0.60 menunjukkan hubungan sederhana, 0.70–0.90 menunjukkan hubungan kuat dan 1.00 menunjukkan hubungan sempurna.

9.0 DAPATAN KAJIAN

9.1 Profil Responden

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan profil demografi responden. Kajian ini melibatkan 142 orang responden yang terdiri daripada 67 orang murid lelaki (47.2%) dan 75 orang murid perempuan (52.8%). Dari segi status persekolahan agama, 87 orang (61.3%) tidak bersekolah agama manakala 55 orang (38.7%) turut bersekolah agama. Responden terdiri daripada pelbagai kaum, dengan bangsa Bugis mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 52 orang (36.6%), diikuti Bajau seramai 31 orang (21.8%).

Jadual 3: Profil Demografi dan Gred Ujian Penguasaan Jawi Responden (N = 142)

Pemboleh Ubah	Kategori	n	%
Jantina	Lelaki	67	47.2
	Perempuan	75	52.8
Sekolah Agama	Tidak	87	61.3
	Ya	55	38.7
Gred Ujian Penguasaan Jawi	A	44	31.0
	B	26	18.3
	C	46	32.4
	D	23	16.2
	E	3	2.1

9.2 Tahap Penguasaan Jawi (Persoalan Kajian 1)

Daripada 142 orang responden, seramai 46 orang (32.4%) memperoleh Gred C, 44 orang (31.0%) memperoleh Gred A, 26 orang (18.3%) memperoleh Gred B, 23 orang (16.2%) memperoleh Gred D dan 3 orang (2.1%) memperoleh Gred E. Majoriti responden, iaitu 116 orang (81.7%), memperoleh Gred A hingga C, menunjukkan bahawa penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam di SK Lahad Datu IV berada pada tahap baik hingga cemerlang. Seramai 26 orang (18.3%) berada pada Gred D dan E. Tiada responden yang memperoleh Gred F.

9.3 Minat, Sikap dan Gaya Pembelajaran (Persoalan Kajian 2 hingga 4)

Konstruk minat mencatatkan skor min 1.47 (SP = 0.601), dengan item "Saya berasa gembira apabila dapat membaca dan menulis Jawi dengan betul" memperoleh persetujuan tertinggi (75.4% Sangat Setuju). Konstruk sikap mencatatkan skor min 1.47 (SP = 0.617), dengan item "Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi" memperoleh persetujuan tertinggi (72.5% Sangat Setuju). Bagi gaya pembelajaran, nilai min keseluruhan ialah 1.57 (SP = 0.565). Rangsangan emosional mencatatkan tahap persetujuan tertinggi (M = 1.48) dan rangsangan sosiologi mencatatkan tahap persetujuan terendah

berbanding dimensi lain (M = 1.69), walaupun kesemua dimensi berada pada tahap tinggi (Jadual 4).

Jadual 4: Statistik Deskriptif bagi Konstruk Minat, Sikap dan Gaya Pembelajaran (N = 142)

Konstruk	M	SP	Tafsiran
Minat	1.47	0.601	Tinggi
Sikap	1.47	0.617	Tinggi
Rangsangan Persekitaran	1.49	0.588	Tinggi
Rangsangan Fizikal	1.54	0.633	Tinggi
Rangsangan Sosiologi	1.69	0.572	Tinggi
Rangsangan Emosional	1.48	0.627	Tinggi
Rangsangan Psikologi	1.63	0.606	Tinggi
Gaya Pembelajaran Keseluruhan	1.57	0.565	Tinggi

Nota: Skala Likert: 1 = Sangat Setuju hingga 4 = Sangat Tidak Setuju. Nilai min yang lebih rendah menunjukkan tahap persetujuan yang lebih tinggi.

9.4 Hubungan antara Penguasaan Jawi dengan Minat, Sikap dan Gaya Pembelajaran (Persoalan Kajian 5)

Ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk menunjukkan semua konstruk kajian tidak bertaburan normal ($p < 0.001$), justeru analisis Korelasi Spearman digunakan. Dapatan menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi lemah antara penguasaan Jawi dengan minat ($\rho = -0.307$, $p < 0.001$), sikap ($\rho = -0.276$, $p < 0.001$) serta kelima-lima dimensi gaya pembelajaran (ρ antara -0.194 hingga -0.283, $p < 0.05$), sebagaimana dalam Jadual 5. Antara dimensi gaya pembelajaran, rangsangan fizikal mencatatkan pekali tertinggi ($\rho = -0.283$), diikuti rangsangan psikologi ($\rho = -0.266$).

Jadual 5: Korelasi Spearman antara Penguasaan Jawi dengan Konstruk Kajian (N = 142)

Konstruk	ρ (Spearman)	Nilai p
Minat	-.307	< .001
Sikap	-.276	< .001
Rangsangan Persekitaran	-.244	.003
Rangsangan Fizikal	-.283	< .001
Rangsangan Sosiologi	-.194	.021
Rangsangan Emosional	-.249	.003
Rangsangan Psikologi	-.266	.001

Nota: Oleh kerana skala Likert bersifat songsang (1 = Sangat Setuju hingga 4 = Sangat Tidak Setuju), pekali korelasi negatif membawa maksud hubungan yang positif, iaitu semakin tinggi minat, sikap dan kecenderungan gaya pembelajaran murid, semakin baik penguasaan Jawi yang dicapai. Kesemua hipotesis nol (H01, H02, H03a hingga H03e) ditolak pada aras keertian 0.05.

10.0 PERBINCANGAN

10.1 Tahap penguasaan Jawi

Dapatan menunjukkan 81.7 peratus murid memperoleh Gred A hingga C, iaitu penguasaan Jawi pada tahap baik hingga cemerlang. Dapatan ini berbeza daripada Nik Rosila (2007) yang mendapati 85 peratus murid belum mencapai tahap penguasaan memuaskan, dan lebih tinggi daripada tahap kurang memberangsangkan atau sederhana yang dilaporkan oleh Saimon et al. (2023) dan Suhana et al. (2016). Perbezaan ini mungkin dipengaruhi oleh banyak faktor, termasuk perbezaan tempoh kajian, peringkat dan latar belakang sampel, instrumen serta kriteria penggredan. Usaha penambahbaikan berterusan oleh KPM, seperti Program j-QAF dan Kem Cemerlang Jawi (KCJ), mungkin menjadi salah satu faktor konteks, tetapi kesan program tersebut tidak diuji dalam kajian ini dan tidak boleh disimpulkan daripada data yang ada. Selain itu, ambang Gred C ialah 50 markah, dan seramai 26 orang murid (18.3%) berada pada Gred D dan E, iaitu sekelompok murid yang masih memerlukan bimbingan berterusan.

Berdasarkan Teori Perkembangan Kognitif Piaget, kepelbagaian tahap penguasaan ini boleh ditafsirkan sebagai perbezaan dalam pembinaan skema huruf Jawi serta keupayaan murid menyesuaikan kefahaman melalui asimilasi dan akomodasi. Namun, kajian ini tidak mengukur proses kognitif tersebut, maka tafsiran ini bersifat cadangan dan bukan bukti.

10.2 Minat dan sikap

Tahap minat (M = 1.47) dan sikap (M = 1.47) yang tinggi dalam kalangan murid selari dengan literatur yang mengaitkan pendekatan pembelajaran interaktif dan berpusatkan murid dengan minat yang lebih tinggi (Rosaini & Hafizhah, 2025) serta kepentingan sikap dalam pembelajaran (Ainun et al., 2017). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mengukur kaedah pengajaran yang dialami murid, maka kaitan dengan pendekatan interaktif tidak dapat disahkan. Dapatan ini juga tidak menunjukkan persepsi negatif terhadap Jawi sebagaimana dibimbangkan oleh Shitiq dan Mahmud (2010) dalam kalangan responden kajian ini, meskipun persepsi kesukaran Jawi tidak diukur secara langsung. Sikap proaktif murid, seperti kesungguhan menyiapkan tugasan (59.9%) dan merancang pembelajaran Jawi (63.4%). Ini menunjukkan bahawa minat dan sikap berkait rapat.

Skor yang tinggi ini perlu ditafsirkan dengan berhati-hati kerana data diperoleh melalui laporan kendiri murid sekolah rendah yang mungkin cenderung memberi jawapan positif atau jawapan yang dianggap diingini. Tahap minat yang tinggi ini wajar terus dipelihara melalui kepelbagaian kaedah pengajaran agar tidak merosot apabila murid meningkat ke peringkat persekolahan yang lebih tinggi.

10.3 Gaya pembelajaran

Rangsangan emosional merupakan dimensi dengan tahap persetujuan tertinggi (M = 1.48), khususnya item berkaitan keinginan memperoleh gred yang baik (80.3% Sangat Setuju). Dapatan ini selari dengan Yahya et al. (2005) yang mengaitkan corak pembelajaran dengan

pencapaian akademik, walaupun kajian tersebut dijalankan dalam konteks yang berbeza. Rangsangan sosiologi mencatatkan min tertinggi (M = 1.69), iaitu tahap persetujuan paling rendah, tetapi perbezaan antara dimensi adalah kecil dan kesemuanya masih berada pada tahap tinggi. Oleh itu, perbezaan ini tidak wajar ditafsirkan secara berlebihan, sungguhpun ia selaras dengan pandangan Rashid (2008) bahawa murid mempunyai kecenderungan pembelajaran yang berbeza. Kepelbagaian ini menekankan kepentingan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran, selaras dengan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) (Dayang & Muhammad, 2021).

10.4 Hubungan dengan penguasaan Jawi

Analisis Korelasi Spearman mengesahkan hubungan yang signifikan tetapi lemah antara minat, sikap dan kelima-lima dimensi gaya pembelajaran dengan penguasaan Jawi, justeru hipotesis nol ditolak. Pekali yang diperoleh (ρ = -0.194 hingga -0.307) menunjukkan bahawa setiap pemboleh ubah hanya berkongsi kira-kira 4 hingga 9 peratus varians pangkat dengan penguasaan Jawi (ρ^2), yang bermaksud sebahagian besar variasi penguasaan Jawi berkait dengan faktor lain yang tidak dikaji. Dapatan ini selaras dengan Nik Rosila (2007) yang mendapati hubungan antara penguasaan Jawi dengan minat, dan dengan Muhammad Haiy dan Mohd Isa (2021) yang melaporkan hubungan antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran guru, walaupun pemboleh ubah yang dikaji berbeza sehingga perbandingan hanya bersifat umum.

Data korelasi tidak membolehkan tafsiran sebab-akibat. Hubungan ini mungkin dua hala: murid yang berminat dan bersikap positif mungkin menguasai Jawi dengan lebih baik, dan murid yang berjaya menguasai Jawi juga mungkin menjadi lebih berminat. Faktor lain seperti persekolahan agama (38.7% responden) turut tidak dikawal dalam analisis. Bagi gaya pembelajaran, rangsangan fizikal mencatatkan pekali tertinggi (ρ = -0.283), tetapi julat pekali antara dimensi adalah sempit sehingga susunan kekuatan tidak wajar ditafsirkan secara tegas. Dimensi ini merangkumi kecenderungan belajar melalui pendengaran, penglihatan dan pergerakan, dan ia mungkin menunjukkan bahawa kesesuaian medium pembelajaran relevan bagi penguasaan Jawi, namun hipotesis ini memerlukan pengujian lanjut. Dapatan keseluruhan menyokong kerangka konseptual bahawa minat, sikap dan gaya pembelajaran berkait dengan penguasaan Jawi.

10.5 Implikasi kajian

Bagi murid, hubungan antara minat, sikap dan penguasaan Jawi menunjukkan bahawa penglibatan aktif dan sikap positif berkait dengan pencapaian yang lebih baik. Bagi guru Pendidikan Islam, dominasi rangsangan emosional dan variasi dalam rangsangan sosiologi mencadangkan bahawa pendekatan "satu kaedah untuk semua" wajar dielakkan; guru boleh menggabungkan aktiviti berkumpulan dengan aktiviti kendiri serta mengaitkan pembelajaran Jawi dengan pencapaian akademik murid dalam Pendidikan Islam. Cadangan ini bersifat pedagogi dan bukan bukti keberkesanan sesuatu pendekatan. Bagi pihak sekolah, kewujudan

murid pada Gred D dan E menunjukkan keperluan meneruskan program intervensi seperti KCJ. Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, dapatan kajian di satu sekolah ini boleh dijadikan input tambahan bersama kajian lain yang lebih luas apabila mempertimbangkan semakan DSKP Pendidikan Islam serta modul latihan dan Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) guru, dan bukan sebagai asas tunggal.

10.6 Batasan kajian

Kajian ini terhad kepada satu sekolah dan reka bentuk keratan rentas yang bersifat korelasi, maka dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh daerah dan tidak menunjukkan hubungan sebab-akibat. Minat, sikap dan gaya pembelajaran diukur melalui laporan kendiri, dan pengaruh faktor demografi serta sosioekonomi tidak dikawal.

11.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai kelima-lima objektif yang ditetapkan. Dapatan menunjukkan bahawa penguasaan Jawi murid Tahun Lima dan Enam di SK Lahad Datu IV berada pada tahap baik hingga cemerlang, dengan majoriti murid menunjukkan tahap minat, sikap dan gaya pembelajaran yang tinggi terhadap pembelajaran Jawi. Analisis Korelasi Spearman menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi lemah antara minat, sikap dan gaya pembelajaran dengan penguasaan Jawi, sekali gus menolak kesemua hipotesis nol kajian.

Dapatan ini mempunyai implikasi kepada murid, guru Pendidikan Islam, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya melalui pendekatan pedagogi yang mengambil kira kepelbagaian gaya pembelajaran murid selaras dengan PAK-21. Bagi kajian akan datang, memandangkan kajian ini terhad kepada 142 orang murid di sebuah sekolah, kajian lanjutan dicadangkan memperluas saiz sampel merentasi lebih banyak sekolah, menggunakan reka bentuk kaedah campuran (*mixed-method*) bagi meneroka punca yang lebih mendalam, meneliti peranan amalan pengajaran guru secara khusus serta mengambil kira faktor demografi dan sosioekonomi murid yang tidak dianalisis dalam kajian ini. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada usaha berterusan memartabatkan tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada warisan dan identiti bangsa Melayu, khususnya dalam kalangan generasi muda di Lahad Datu.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) serta Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPGKTHO), Batu Pahat, Johor atas sokongan, kerjasama dan peluang yang diberikan, khususnya dalam melaksanakan kajian ini.

RUJUKAN

Abd Jamal Abu Samah. (2000). *Tinjauan: Penguasaan tulisan Jawi*. Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Aizuddin, M., Ahmad, Z., & Salleh, N. (2025). Tahap Penguasaan dan Faktor Pendorong Pembelajaran Tulisan Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2), 45-58.

Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *7*(2), 77–88. https://journalarticle.ukm.my/11357/ [1, 2, 3]

Asyraf Ridwan Ali, & Berhanundin Abdullah. (2014). Kaedah transliterasi beraneka: Satu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi. Dalam *Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu 2014*. Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau.

Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan* (Buku 1, Edisi ke-4). McGraw-Hill Education.

Dayang Norrafidah Awang Adrus, & Muhammad Haron. (2021). Keberkesanan kaedah latih tubi terhadap penguasaan kemahiran membaca tulisan Jawi dalam kalangan murid tahun 3. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *8*(3), 32–45.

Dancey, C. P., & Reidy, J. (2004). *Statistics without maths for psychology: Using SPSS for Windows* (3rd ed.). Prentice Hall.

Fatma Wahida Amran, & Mardzelah Makhsin. (2024). Inovasi Cerdik Jawi: Kesan terhadap minat dan kemahiran menulis Jawi. *Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education, 1*(1), 162–176.

Muhammad Haiy Rosman, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Hubungan penguasaan Jawi dengan proses pengajaran guru di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR), 4*(10), 81–90.

Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, *22*, 161–172. https://ejournal.usm.my/apjee/article/view/apjee_vol22-2007_10

Noraziah Mohd Amin, & Noor Azam Abdul Rahman. (2019). Persepsi pelajar Melayu UNITEN terhadap pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia. *Sains Insani, 4*(1), 7–14.

Piaget, J. (1970). Piaget's theory (G. Gellerier & J. Langer, Trans.). Dalam P. H. Mussen (Ed.), *Carmichael's manual of child psychology* (Edisi ke-3, Vol. 1, hlm. 703–832). John Wiley & Sons.

Rashed, Z. N., Sabilan, S., Sani, K., Hamzah, H., & Hashim, M. (2025). Cabaran pembelajaran Jawi dan implikasinya terhadap keciciran murid di sekolah rendah agama negeri Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 9*(2), 53–64.

Rasidah Rashid. (2007). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah luar bandar, Sabah* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.

Rosaini Azni Rosly, & Hafizhah Zulkifli. (2025). Penggunaan multimedia interaktif dalam meningkatkan kemahiran membaca tulisan Jawi murid sekolah rendah: Satu tinjauan literatur sistematik. *Al-Azkiyaa: International Journal of Language and Education*, *4*(1), 12–25. usim.edu.my

Rosly, R. A., & Zulkifli, H. (2025). Kesan pembelajaran berasaskan projek dalam penguasaan menulis Jawi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. *Al-Azkiyaa-International Journal of Language and Education, 4*(1), 162–174.

Saimon, A., Fauzi, S. N. S. M., Zafri, N. Z., Ibrahim, N. A. I., & Abd Halim, N. A. (2023). Tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid Tahun 4 di Sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA, 14*(2), 71–82.

Sarinab Ariffin @ Eduny, Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, & Syamsul Azizul Marinsah. (2022). Pendekatan kaedah latih tubi dalam kemahiran menulis Jawi murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *7*(45), 112–126. https://doi.org/10.35631/IJEPC.745009

Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach* (7th ed.). Wiley.

Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad, & Azman Ahmad. (2016). Statistik penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, *1*(2), 50–63. ump.edu.my

Azizi Yahaya, Mohd Najib Abdul Ghaffar, Sharifudin Ismail, & Noraizah Damiri. (2005). Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Dalam *International Conference on Learning and Motivation*. Universiti Teknologi Malaysia.

Yusmizam, Y. A., & Saimon, A. (2025). Penguasaan murid tahun enam terhadap tulisan Jawi bagi perkataan pinjaman bahasa asing. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, *16*(2), 106–119. https://irep.iium.edu.my/124991/

Zainuddin, M. N., & Abd Rahman, A. (2020). Cabaran pengajaran pedagogi literasi Jawi dan keperluan modul latihan guru yang sistematik. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 18*(2), 74–91.